

PERSIDANGAN

DEFINISI

Persidangan bermaksud kongres, seminar, forum, simposium, kolokium, wacana, program, ceramah, bengkel dan lain-lain yang boleh dimaksudkan dengan persidangan dan berteraskan penyelidikan serta tidak bersifat kursus jangka masa panjang.

TUJUAN

Kakitangan akademik UniSHAMS digalakkan menyertai persidangan sebagai salah satu tanggungjawab mereka bagi tujuan peningkatan kerjaya di samping memberi impak positif untuk mempertingkatkan ilmu dan jati diri pensyarah. Selain itu, ia dapat memenuhi syarat pengiktirafan bintang oleh MyRA® dan SETARA bagi sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Artikel penyelidikan mestilah dihantar ke penerbit jurnal yang berkaitan dengan bidang artikel tersebut.

SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN MENGHADIRI PERSIDANGAN SEBAGAI PESERTA DAN PEMBENTANG

| Peserta | Pembentang |
|---|--|
| Permohonan dilakukan sekurang-kurangnya sebulan dari tarikh persidangan dijalankan. | Permohonan dilakukan sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh persidangan dijalankan. |
| Permohonan mestilah disertakan bersama surat tawaran/ iklan/ brochure sebagai rujukan. | Permohonan mesti disertakan dengan risalah lengkap persidangan, surat penerimaan ke persidangan dan abstrak. Artikel yang dibentangkan perlu menggunakan affiliation UniSHAMS. |
| Peruntukan menghadiri persidangan sebagai peserta diperuntukan maksimum RM300.00 sahaja. | Kakitangan akademik yang telah diluluskan permohonan diberi peruntukan maksimum RM1,500.00 (peruntukan ini tertakluk kepada kakitangan akademik gred DS/DK45 dan ke atas sahaja) |
| Peruntukan maksimum RM300.00 kepada kakitangan akademik bergred DG41 dan ke bawah sahaja. | Permohonan banyak kali atau unlimited dibenarkan (iaitu tidak lagi terhad 2 kali setahun). |
| Permohonan banyak kali atau unlimited dibenarkan (iaitu tidak lagi terhad 2 kali setahun) | Permohonan banyak kali atau unlimited dibenarkan (iaitu tidak lagi terhad 2 kali setahun). |

Semua kakitangan akademik yang ingin menghadiri persidangan sama ada memerlukan peruntukan kewangan atau tidak, WAJIB membuat permohonan menghadiri persidangan melalui Unit Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Siswazah dan Penyelidikan (PPSP). Borang permohonan boleh dimuat turun di pautan ICMS UniSHAMS.

Pihak universiti tidak akan bertanggungjawab bagi kakitangan akademik yang menghadiri persidangan tanpa kelulusan universiti. Penyertaan persidangan tanpa kelulusan universiti tidak akan diperakui dalam rekod ketidakhadiran.

